

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan proses terkini pelaksanaan Program 'Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu' (APEL) yang diperkenalkan tahun 2016, khasnya di kalangan kumpulan usahawan tani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memperkenalkan Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) atau secara ringkasnya dikenali sebagai APEL.A. Inisiatif ini merupakan salah satu laluan kemasukan yang diperkenalkan sejak tahun 2016 bagi membolehkan individu yang berminat tetapi tidak mempunyai kelayakan akademik yang mencukupi untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Langkah memperkenalkan APEL.A ini adalah sejajar dan menyokong agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Umumnya APEL.A dibuka kepada golongan berkerjaya, sama ada di sektor awam; swasta; mahupun individu yang mempunyai perusahaan sendiri, seperti usahawan tani yang tidak mempunyai kelayakan akademik mencukupi untuk meningkatkan tahap pendidikan dalam bidang kerjaya mereka. Sebagai contoh terdapat calon yang mempunyai Diploma Pertanian yang telah lulus penilaian APEL dan dalam proses untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana.

NO. SOALAN : 31

Individu yang berminat boleh memohon penilaian APEL melalui Portal MQA. Setiap permohonan akan melalui semakan portfolio, ujian aptitud dan temu duga. Sehingga 30 September 2020, MQA telah menerima sebanyak 18,972 permohonan APEL bagi tujuan kemasukan ke pelbagai peringkat pengajian sama ada di peringkat Sijil; Diploma; Sarjana Muda; dan Sarjana di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta.

Sebagai galakan tambahan untuk mereka menyambung pengajian, MQA juga telah memperkenalkan APEL.C. Inisiatif ini membolehkan pindah kredit subjek dalam pengajian diberikan berdasarkan pengalaman kerja. Sebanyak 24 buah institusi pengajian tinggi (IPT) diberikan kebenaran untuk melaksanakan APEL.C dan individu dengan pengalaman kerja boleh memohon pindah kredit subjek sehingga 30% daripada jumlah kredit program pengajian yang diikuti. Kementerian juga turut bersetuju untuk menawarkan pengurangan sebanyak 50 peratus bagi caj penilaian setiap permohonan APEL.A di peringkat sijil dan diploma.

Sekian, terima kasih.